

25 NOV 1999

Mahathir-Sukan

PENGAJARAN BAIK DARIPADA SUKAN KOMANWEL, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 25 Nov (Bernama) -- Rakyat Malaysia telah mendapat satu pengajaran baik daripada menganjurkan Sukan Komanwel ke 16 iaitu 'anda boleh buat apa sahaja jika percaya pada diri sendiri,' kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata dalam kata-kata aluannya dalam buku "Crossing the Finishing Line" yang rakyat telah menjadikan temasya itu secara unik bercorak Malaysia dengan semua orang komited daripada kerajaan hinggalah rakyat umum.

Dr Mahathir yang menyatakan sanjungan dan penghargaan kepada mereka yang terbabit berkata, kerajaan telah memberikan sokongan penuhnya di setiap peringkat, sesuatu yang luar biasa dalam sejarah sukan itu.

"...banyak bantuan datang dari semua belah, daripada syarikat-syarikat yang menawarkan tajaan dan barangan kepada berpuluh-puluh ribu rakyat Malaysia yang menawarkan perkhidmatan mereka," katanya.

Buku "Crossing the Finishing Line" itu, diterbitkan oleh agensi berita Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) yang juga agensi berita tuan rumah temasya sukan itu.

Buku sejarah rasmi sukan Komanwel ke 16 di Kuala Lumpur pada 1998 itu dilancarkan hari ini oleh Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin, di sini.

Dr Mahathir berkata, sejak Malaysia memenangi hak untuk menganjurkan temasya itu, ia memutuskan "untuk memberikan kepada semua sesuatu yang akan tinggal dalam kenangan" selaras dengan status sukan Komanwel itu sebagai yang terakhir di kurun ini.

Banyak usaha, masa dan peruntukan telah disediakan bagi infrastruktur dan kemudahan canggih, penggunaan teknologi maklumat terkini dan banyak lagi untuk menjayakan temasya itu.

"Walaupun negara masih di bawah kesan krisis kewangan dan ekonomi yang melanda Asia pada 1997, kita berjaya menyiapkan semua kemudahan dan persiapan lain untuk menepati janji kita," katanya.

Beliau berkata, oleh sebab semua usaha itu, Kuala Lumpur '98 telah disifatkan oleh yang lain sebagai Sukan Komanwel yang terbaik pernah diadakan dengan penyertaan 100 peratus, sesuatu yang jarang dalam sejarah sukan itu.

Dalam mesejnya itu, Dr Mahathir juga mengucapkan terima kasih kepada mereka yang menjayakan sukan itu.

"Kita tidak akan dapat melakukannya tanpa anda. Semua orang perlu dipuji kerana kejayaan sukan itu, Syabas" kata beliau.

Buku itu akan diedarkan kepada negara-negara anggota Komanwel. Ia juga boleh dibeli di gedung-gedung buku.

-- BERNAMA

RAZ JAI PR